

MAHATHIR - DAGANG

1977

KUALA LUMPUR, 4 JULAI (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERHARAP AUSTRALIA AKAN MENGADAKAN SATU DASAR YANG LEBIH SESUAI BAGI MEMPERBETULKAN IMBANGAN DAGANGAN YANG SEKARANG LEBIH MENGUNTUNGGAN NEGARA TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SUNGGUHPUN IMBANGAN DAGANGAN YANG WUJUD SEKARANG TIDAK MENJEJASKAN MALAYSIA SECARA MELUAS, MALAYSIA BAGAIMANAPUN INGIN MENDAPATKAN BANTUAN AUSTRALIA BAGI MENGATASI MASALAH ITU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PERKARA ITU AKAN DIBINCANGKAN DI SIDANG KEMUNCIAK ASEAN YANG KEDUA DI SINI OGOS INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MENERIMA SEKEPING CEK BERJUMLAH \$25,000 DARIPADA PENOLONG PENGURUS SYARIKAT CALTEX OIL SDN. BERHAD, ENCIK DON C. MOORE DI PEJABATNYA DI SINI.

JUMLAH TERSEBUT MERUPAKAN SUMBANGAN TAHUNAN SYARIKAT ITU KEPADA MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA (MSSC).

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, KERAJAAN KINI SEDANG MENKAJI UNTUK MENGAMBIL PENDEKATAN YANG DISATUKAN BERHUBUNG DENGAN PELABURAN. - BERSAMBUNG 1255/BW

12.

B526

MAHATHIR - DAGANG 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, PENDEKATAN ITU YANG DINAMAKAN +TAWARAN BERAMAI- RAMAI+ AKAN DIKENDALIKAN OLEH FIDA.

FIDA AKAN DITUGAS MENYELARASKAN KESEMUA KEGIATAN DI BAWAH RANCANGAN ITU YANG AKAN DISIAPKAN KELAK.

BELIAU MENYATAKAN PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN AKAN MENGADAKAN SATU PERTEMUAN DENGAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ANJURAN KEMENTERIAN SURUH DAN TENAGA RAKYAT UNTUK MEMBINCANGKAN SEGALA ANOMALI YANG TERDAPAT DALAM SKIM GAJI BARU JAWATANKUASA KABINET.

- BERNAMA 1300/BW - Sambungan 512

MAHATHIR - DAGANG 3 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN B526)

MENGENAI PEKERJA-PEKERJA YANG BELUM MENERIMA KERTAS OPSYEN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA TIDAK AKAN RUGI APA-APA KERANA ITU BUKANLAH KESALAHAN MEREKA.

KATANYA, KERAJAAN SELAKU MAJIKAN MEREKA, TIDAK AKAN MENGINIANYA MEREKA DAN MEREKA AKAN MENDAPAT TUNGGAKAN SELEPAS MEREKA MENANDA TANGANI KERTAS OPSYEN KALAK. -- BERNAMA 1703/ZCM

702